

GARIS PANDUAN MENGENAI TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL BERIKUTAN KEMATIAN SEORANG PEMILIK FIRMA PERUNDING UKUR BAHAN

1.0 OBJEKTIF

Objektif Panduan ini ialah untuk menyediakan tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh waris terdekat (next-of kin) apabila seorang pemilik firma perunding ukur bahan meninggal dunia (si mati). Dengan adanya Panduan ini Pihak Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) berharap waris terdekat akan dapat mengambil tindakan-tindakan yang sesuai dengan segera bagi menjaga kepentingan mereka dan juga semua pihak yang ada kepentingan atau yang terjejas dengan kematian seorang pemilik firma perunding ukur bahan.

2.0 TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL BERIKUTAN KEMATIAN SEORANG JURUUKUR BAHAN BERDAFTAR YANG BERAMAL

Berikutan kematian seseorang pemilik firma perunding ukur bahan, waris terdekat atau rakan kongsi hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Lembaga Juruukur Bahan Malaysia dengan kadar segera di alamat yang berikut:

Presiden
Lembaga Juruukur Bahan Malaysia
Tingkat 17, Blok F
Ibu Pejabat JKR Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin
Kuala Lumpur.
Tel : 03-2696 7999/7809/7803/8140/8142
Faks : 03-2692 5680
Website : www.bqsm.gov.my

Tindakan-tindakan selanjutnya yang perlu diambil adalah bergantung kepada jenis amalan firma tersebut.

2.1 KEPUNYAAN TUNGGAL

- a) Waris terdekat si mati perlu melantik seorang pentadbir yang sebaik-baiknya hendaklah terdiri daripada seorang juruukur bahan berdaftar yang layak dan sanggup untuk menyelesaikan isu-isu berikut:
 - i) menguruskan pentadbiran dan kewangan firma terutamanya gaji staf dan kesinambungan perkhidmatan ukur bahan kepada klien,

- ii) menyediakan akaun firma bagi menentukan kedudukan kewangan semasa firma seperti aset dan liabiliti dan juga fi yang belum diterima,
- iii) status perkhidmatan yang belum selesai dan cara untuk menyelesaikan tanggungjawab itu kepada klien,
- iv) tuntutan fi bagi perkhidmatan yang telah selesai tetapi fi belum dituntut atau tuntutan fi sudah dibuat tetapi belum dibayar oleh klien,
- v) persetujuan jumlah/bahagian daripada keuntungan dan anggaran keuntungan yang diperolehi daripada projek-projek dalam kendalian firma itu yang akan dibayar kepada waris terdekat dan cara bayaran.
- vi) melindungi waris terdekat daripada tindakan undang-undang dan tanggungan kewangan yang sediaada mahupun yang mungkin timbul bersabit perniagaan firma itu,
- vii) Melantik satu firma perunding ukur bahan yang sanggup mengambil alih perniagaan firma si mati dan bersetuju untuk menjaga kepentingan dan kebajikan waris terdekat dari segi kewangan dan perundangan. Pengambil alihan firma si mati hendaklah secara keseluruhan iaitu merangkumi staf, projek-projek, aset dan liabiliti firma si mati dengan mengambilkira peruntukan undang-undang yang berkenaan.
- viii) Memaklumkan kepada LJBM tentang pengambil alihan firma si mati oleh firma kedua. Bagi membantu firma kedua dalam menyakinkan klien supaya melantik mereka, LJBM akan mengeluarkan satu surat mengambil maklum tentang pengambil alihan tersebut dan mengesahkan tidak ada halangan untuk firma kedua itu meneruskan perkhidmatan kepada klien firma si mati tetapi tertakluk kepada persetujuan klien berkenaan.
- ix) Memaklumkan klien tentang pengambil alihan firma si mati oleh firma kedua dan meminta persetujuan mereka untuk membuat bayaran Fi bagi perkhidmatan yang telah diberi oleh firma si mati tetapi belum dibayar dibuat atas nama firma kedua dan meminta klien melantik firma kedua itu bagi meneruskan perkhidmatan ukur bahan seterusnya. Adalah menjadi kuasa mutlak klien samada bersetuju untuk melantik firma kedua itu ataupun tidak. Mengikut undang-undang, perjanjian perlantikan sesuatu firma pemilikan tunggal terbatal

dengan sendirinya berikutan kematian pemiliknya. Oleh itu, satu perjanjian perlantikan baru perlu ditanda tangani oleh klien dan firma kedua itu.

- x) Memaklumkan kepada semua pihak yang ada kepentingan firma si mati tentang kematian pemilik firma perunding ukur bahan dan pihak yang perlu mereka hubungi jika perlu.

(Nota : Tindakan-tindakan tersebut di atas perlu di ambil oleh waris terdekat/pentadbir yang dilantik sejauh ianya tidak bertentangan dengan wasiat yang ditinggalkan oleh si mati.)

- b) Sekiranya tidak ada satu firma perunding ukur bahan pun bersetuju untuk mengambil alih perniagaan firma si mati maka perniagaan firma itu terpaksa ditamatkan. Waris terdekat/pentadbir yang dilantik hendaklah:
- memaklumkan kepada LJBM supaya permit beramal firma itu ditamatkan secara rasmi;
 - mengambil tindakan susulan bagi mendapat bayaran untuk fi yang telah dituntut tetapi belum dibayar oleh klien;
 - memaklumkan kepada semua yang terlibat dengan projek tentang penutupan firma itu; dan
 - menyelesaikan liabiliti setakat yang terupaya dan termampu.
- c) Sekiranya waris terdekat/pentadbir menghadapi sebarang masalah bersabit perkara di atas atau memerlukan maklumat lanjut sila berhubung dengan pihak LJBM.

2.2 RAKAN KONGSI

Apabila salah seorang daripada rakan kongsi meninggal dunia maka rakan kongsi yang masih hidup perlu mengambil tindakan untuk menyelesaikan isu-isu berikut:

- (i) menguruskan perjalanan firma terutamanya dari segi gaji staf dan kesenambungan perkhidmatan ukur bahan kepada klien,
- (ii) menyedia akaun firma bagi menentukan kedudukan kewangan semasa firma seperti asset dan liabiliti dan juga fi yang belum dikutip,
- (iii) status perkhidmatan yang belum selesai dan cara untuk menyelesaikan tanggung jawab kepada klien,

- (iv) tuntutan fi bagi perkhidmatan yang telah selesai tetapi fi belum dituntut atau tuntutan fi sudah dibuat tetapi belum dibayar oleh klien,
- (v) persetujuan jumlah/bahagian daripada keuntungan dan anggaran keuntungan yang diperolehi daripada projek-projek dalam telah berada dalam tangan firma itu yang akan dibayar kepada waris terdekat si mati dan cara bayaran,
- (vi) persetujuan untuk melindungi waris terdekat si mati daripada tindakan undang-undang dan tanggungan kewangan yang sediaada mahupun yang mungkin timbul bersabit perniagaan firma itu,
- (vii) memaklumkan kepada LJBM tentang kematian itu dan calon rakan kongsi baru (jika berkenaan) serta memaklumkan perubahan dalam struktur firma,
- (viii) Memaklumkan kepada klien tentang pertukaran struktur firma itu,
- (ix) Menyelesai dengan pihak bank tentang perubahan penanda tangani akaun (sekiranya si mati merupakan salah seorang penanda tangan),
- (x) Memaklumkan kepada semua pihak yang ada kepentingan dengan firma si mati tentang kematian pemilik firma perunding ukur bahan dan pihak yang perlu mereka hubungi jika perlu.

Sekiranya masih menghadapi masalah, sila berhubung dengan LJBM di alamat di atas untuk mendapat nasihat.

2.3 PERTUBUHAN PERBADANAN

Apabila salah seorang daripada pemegang saham dan pengarah firma pertubuhan perbadanan meninggal dunia maka pemegang saham dan pengarah yang masih hidup perlu mengambil tindakan untuk menyelesaikan isu-isu berikut:

- (i) menguruskan perjalanan firma terutamanya dari segi gaji staf dan kesenambungan perkhidmatan ukur bahan kepada klien,
- (ii) menyedia akaun firma bagi menentukan kedudukan kewangan semasa firma seperti asset dan liability dan juga fi yang belum dikutip,
- (iii) status perkhidmatan yang belum selesai dan cara untuk menyelesaikan tanggung jawab kepada klien,

- (iv) tuntutan fi bagi perkhidmatan yang telah selesai tetapi fi belum dituntut atau tuntutan fi sudah dibuat tetapi belum dibayar oleh klien,
- (v) persetujuan jumlah/bahagian daripada keuntungan dan anggaran keuntungan yang diperolehi daripada projek-projek dalam telah berada dalam tangan firma itu yang akan dibayar kepada waris terdekat si mati dan cara bayaran,
- (vi) persetujuan untuk melindungi waris terdekat simati daripada tindakan undang-undang dan tanggungan kewangan yang sediaada mahupun yang mungkin timbul bersabit perniagaan firma itu,
- (vii) melantik pemegang saham dan pengarah baru (jika berkenaan) dan juga melaporkan kepada Suruhan Jaya Pendaftaran Syarikat,
- (viii) memaklumkan kepada LJBM tentang kematian itu dan calon pemegang saham dan pengarah baru (jika berkenaan) serta memaklumkan perubahan dalam struktur firma,
- (ix) Memaklumkan kepada klien tentang pertukaran struktur firma itu,
- (x) Menyelesai dengan pihak bank tentang perubahan penanda tangani akaun (sekiranya si mati merupakan salah seorang penanda tangan),
- (xi) Memaklumkan kepada semua pihak yang ada kepentingan dengan firma si mati tentang kematian pemilik firma perunding ukur bahan dan pihak yang perlu mereka hubungi jika perlu.

Sekiranya masih menghadapi masalah, sila berhubung dengan LJBM di alamat di atas untuk mendapat nasihat.

3.0 PENUTUP

LJBM berharap Garis Panduan ini dapat membantu mereka yang ada kepentingan dengan seorang pemilik firma perunding ukur bahan yang meninggal dunia menyelesaikan isu-isu penting bersabit firma yang berkenaan agar perkhidmatan ukur bahan tidak terjejas demi kepentingan klien dan orang awam. LJBM juga berharap Garis panduan ini akan dapat membantu meringankan masalah yang dihadapi oleh waris terdekat si mati dari segi perundangan dan kewangan. LJBM sentiasa bersedia untuk memberi apa sahaja pertolongan kepada juruukur bahan berdaftar mahupun waris terdekatnya (sekiranya berlaku kematian) bagi meringankan masalah yang dihadapinya.